

Jambatan gantung permudahkan perhubungan kaum Penan



ULU LIMBANG: Pembinaan jambatan gantung sepanjang 77 meter bernilai RM180,000 menamatkan penantian kaum penan sejak sekian lama untuk menikmati kemudahan perhubungan yang lebih selesa.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata kemudahan tersebut membuktikan kerajaan tidak pernah meminggirkan nasib penduduk minoriti di negeri ini yang khususnya yang mendiami kawasan pedalaman. Beliau berkata, kemudahan itu begitu signifikan kepada kaum Penan melibatkan 11 penempatan untuk menikmati kemudahan perhubungan yang lebih selesa dan menjadi nadi penting dalam kehidupan seharian mereka.

"Pembinaan jambatan ini mengambil masa 35 hari untuk disiapkan bermula pertengahan November 2011 dan menjadi nadi penting dalam melancarkan aktiviti harian masyarakat Penan.

"Pada masa sama ia memudahkan pelajar Penan untuk menyeberangi sungai ke sekolah, selain melancarkan laluan mereka dan aspek keselamatan masyarakat Penan lebih terjamin berbanding sebelum ini," katanya pada perasmian jambatan dan bangunan Pusat Penyelidikan Lepo Bunga di Gunung Murud kelmarin.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Lawas Datuk Henry Sum Agong, Timbalan Pengarah Jabatan Hutan Sarawak Paul Chai, Sapuan Ahmad dan wakil Syarikat Samling Sdn Bhd.

Jambatan gantung itu dibina hasil inisiatif Jabatan Hutan Sarawak dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan iaitu International Tropical Timber Organisation (ITTO) dan syarikat Samling Timber Sdn Bhd.

Dalam pada itu mengulas mengenai pembinaan bangunan Pusat Penyelidikan Lepo Bunga di Gunung Murud, Awang Tengah optimis bangunan tersebut mampu menjadi rujukan kepada para pencinta alam semula jadi, para penyelidik serta pelawat yang berkunjung ke Gunung Murud.

"Projek kemasyarakatan ini dilihat penting untuk membentuk keselesaan dan kesejahteraan penduduk serta membantu usaha konservasi hutan terutama Gunung Murud yang menjadi kebanggaan semua sebagai syurga kepelbagaian flora dan fauna," katanya.

Jabatan Hutan Sarawak menjadi agensi peneraju dan perunding kepada pembinaan bangunan ini dan memantau serta memberi pandangan dalam usaha menggalakkan pemuliharaan biodiversiti dan ekopelancongan.

Manakala kos pembinaan bangunan itu ditanggung sepenuhnya oleh Samling Timber Sdn Bhd. Terletak pada 5,500 kaki di atas paras laut, pembinaan pusat ini merupakan satu tugas mencabar kerana kedudukan logistiknya yang agak jauh selain faktor cuaca yang tidak menentu.

Sementara itu Awang Tengah mahu ibu bapa Penan memberi keutamaan kepada aspek pendidikan anak-anak mereka bagi memastikan kaum tersebut terus maju dan tidak ketinggalan dengan masyarakat lain di Sarawak.

"Pendidikan amat penting agar kaum Penan tidak terpinggir atau dipinggirkan daripada arus perdana kerana kerajaan tidak mahu satu pun komuniti di negeri ini ketinggalan," katanya.

Katanya, ramai kaum Penan yang sudah berjaya dalam pelajaran termasuk memegang ijazah sarjana selain berjaya dalam perniagaan, pertanian dan dalam bidang profesional lain.

SUMBER : UTUSAN BORNEO / 13.02.2012 (AHAD)